

170 anggota akademik UMS terima anugerah

NST 4.6.2016 3

KOTA KINABALU: Seramai 170 orang anggota akademik Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerima anugerah sebagai penghargaan kepada hasil kajian mereka.

Naib Canselornya, Professor Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata ia bagi menggalakkan mereka untuk menghasilkan lebih banyak kajian yang berpotensi untuk dipasarkan.

“Peranan UMS bukan hanya untuk melahir modal insan yang cemerlang tetapi juga menghasilkan pengetahuan baharu dan harta intelek berkualiti tinggi menerusi kajian dan inovasi selari dengan visi Malaysia menjadi negara maju,” katanya pada majlis berkenaan.

Antara penerimanya ialah Prof Dr Norazah Mohd Suki dan Dr Clarence M. Ongkudon bagi anugerah Model Pengkaji dan Assis Kamu sebagai Pengkaji Harapan.-Bernama